



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUSETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**ARKITEK KEINDAHAN ALAM (B.2 EB.3)
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**ARKITEK KEINDAHAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau kelulusan profesional atau sebanding dalam bidang *Architecture / Landscape Architecture* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Menjadi ahli penuh dalam salah satu badan atau institusi profesional yang berkaitan adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Merancang, mereka bentuk, melaksanakan dasar, strategi, pelan tindakan dan projek termasuk projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang berhubung kait dengan landskap, taman dan rekreasi yang antara lain termasuk menyediakan dokumen kontrak, tafsiran, sokongan tawaran, pengawasan, pemantauan kemajuan fizikal dan kewangan dan pelaksanaan pembayaran projek-projek berkenaan;
2. Menyediakan dokumen-dokumen kontrak yang antara lain termasuk menyediakan spesifikasi, lukisan teknikal, anggaran harga projek (*bill of quantities*) dan sebagainya sama ada secara tawaran atau sebut harga untuk projek-projek yang berhubung kait dengan landskap dan taman rekreasi;
3. Memantau pelaksanaan projek landskap, taman dan rekreasi dan membuat laporan teknikal dan memberikan khidmat nasihat, input dan panduan kepada cadangan kemajuan;
4. Membentuk dan menggubal piawaian, garis pandu, prosedur dan peraturan berhubung dengan landskap dan taman rekreasi dan menguatkuasa kepada cadangan kemajuan;
5. Menjalankan dan menyelaras penyelidikan dan kajian mengenai landskap, taman dan rekreasi;



6. Mengurus dan menerbit wadah maklumat mengenai landskap, taman dan rekreasi;
7. Mempromosi, membentuk dan melaksanakan pelan tindakan dan program-program pendidikan awam mengenai landskap, taman dan rekreasi;
8. Mengatur dan mengurus pengeluaran dan pembekalan bahan tanaman bagi taman dan landskap; dan
9. Mengendalikan dan melaksanakan arahan dan tugas-tugas yang diberikan oleh pegawai atasan.